

PKR: Pemuda Umno harus pandang serius jenayah, bukan buat laporan polis
Malaysian Insider
Aug 15 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Laporan polis Pemuda Umno berhubung kenyataan Pengerusi DAP Sarawak, Chong Chieng Jen yang mendakwa peningkatan kadar jenayah dalam negara bertujuan mewujudkan semula undang-undang tahanan tanpa bicara tidak sepatutnya dilakukan kerana dakwaan ahli Parlimen Kuching itu bukannya tidak berasas, kata Latheefa Koya (gambar).

Ketua Biro Guaman dan Hak Asasi Manusia PKR itu menjelaskan kenyataan itu perlu dipandang serius oleh kerajaan dan bukan berbaur hasutan kerana negara digemparkan dengan peningkatan keganasan serta kadar jenayah tembakan, pengeboman dan pembunuhan yang memerlukan satu undang-undang penahanan baru dibentuk tanpa melanggar hak asasi manusia.

Katanya, dakwaan Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin yang melihat kenyataan Chong berbaur hasutan menyebabkan rakyat benci kepada Barisan Nasional (BN) harus dipandang secara meluas kerana ramai pemimpin Pakatan Rakyat (PR) lain turut mengkritik BN dan apakah mereka juga harus didakwa di bawah Akta Hasutan.

"Khairy harus faham kerana peruntukan asas di bawah Akta Hasutan di Malaysia menetapkan bagaimana teruk sesuatu dakwaan itu ia tidak akan terpakai terhadap kenyataan parti politik termasuk BN.

"Kami mengulangi prinsip PKR bahawa Akta Hasutan perlu dimansuhkan tanpa ada undang-undang seumpama itu diwujudkan semula," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Semalam, Pemuda Umno membuat laporan polis ke atas Chong kerana mendakwa insiden kes tembak-menembak serta jenayah yang berleluasa di negara ini adalah sebahagian daripada sandiwara BN bagi mengembalikan beberapa akta yang dimansuhkan.

Kata Khairy, kenyataan Chong sebagai pemimpin kanan DAP itu jelas menampakkan tahap pemikirannya yang cetek dan keanak-anakan bagi memperjuangkan politik kebencian yang diamalkan pembangkang terutama DAP selama ini.

Beliau menjelaskan tohmahan serta tuduhan itu jelas satu bentuk hasutan yang serius, keterlaluan dan bertujuan mempengaruhi rakyat bagi membenci BN selaku kerajaan yang dipilih secara sah pada pilihan raya umum lalu.

Portal The Borneo Post memetik kenyataan Chong yang juga Ahli Parlimen Bandar Kuching berkata, kejadian jenayah yang meningkat di negara ini adalah sebahagian dari rancangan kerajaan bagi menggantikan undang-undang baru menyerupai Akta Ordinan Darurat (EO).

Chong berkata demikian pada sidang media yang berlansung di Ibu Pejabat DAP bagi mengulas mengenai isu jenayah yang tidak terkawal.

Katanya, ini satu tindakan terancang apabila pemimpin BN termasuk Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menggunakan kesempatan peningkatan keganasan jenayah membabitkan senjata api untuk memperkenalkan undang-undang baru.

Beliau menjelaskan dengan berbuat demikian rakyat menjadi mangsa bagi agenda politik BN dan undang-undang seperti EO yang bakal diperkenal BN hanya membenarkan penyalahgunaan kuasa kerana sesiapa saja termasuk pemimpin pembangkang boleh ditahan tanpa dibicara di mahkamah. - 15 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-pemuda-umno-harus-pandang-seri-us-jenayah-bukan-buat-laporan-polis>